



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Mazlan Mahmud, Mohd Hasfarisham Abd Halim & Mokhtar Saidin. (2026). Kedah Tua: Warisan perdagangan rempah alam Melayu dan implikasinya kepada pembangunan ekonomi komuniti kontemporari. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 122-148. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2026.4.7>

KEDAH TUA: WARISAN PERDAGANGAN REMPAH ALAM MELAYU DAN IMPLIKASINYA KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI KOMUNITI KONTEMPORARI

(Ancient Kedah: The Heritage of the Malay Spice Trade and Its Implications for Contemporary Community Economic Development)

¹Mazlan Mahmud, ²Mohd Hasfarisham Abd Halim & ³Mokhtar Saidin

¹Penyelidik Bebas, Ancient Kedah Heritage Resource
Sungai Petani, Kedah, Malaysia

²Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi Selangor, Malaysia

³Geopark and Geoheritage Creative Solution
Sungai Petani, Kedah, Malaysia

¹ Corresponding author: ancientkedahheritage@gmail.com

Received: 01/02/2026

Revised: 10/05/2026

Accepted: 24/07/2026

Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menilai peranan kerajaan Kedah Tua dalam perdagangan rempah ratus di Alam Melayu Nusantara dan merekodkan potensi warisan maritim ini dalam proses pembangunan ekonomi komuniti kontemporari. Kedah Tua sebagai sebuah kerajaan maritime entreport yang terletak di laluan perdagangan Selat Melaka-Laut China Selatan telah terlibat dalam perdagangan antarabangsa sejak sebelum Masihi menjadikan ada kemungkinan kerajaan ini memainkan peranan terhadap perdagangan rempah di Alam Melayu. Bagi memperluaskan kajian, metodologi kajian seperti

meneliti literatur akademik, dokumen sejarah dan laporan arkeologi telah dilakukan. Hasil kajian mendedahkan walaupun bukti arkeologi langsung untuk komoditi rempah Kedah Tua adalah terhad, namun berdasarkan kedudukan geografi Kedah Tua dan konteks perdagangan serantau menunjukkan kemungkinan ada penglibatan kritikal Kedah Tua dalam perdagangan rempah, di samping terdapat bukti ketara pengeluaran besi, struktur pelabuhan dan artifak lain di Lembah Bujang dan Sungai Batu yang menunjukkan kawasan ini sebagai lokasi perdagangan utama. Oleh yang demikian, kajian ini menyatakan bahawa Kedah Tua merupakan nod penting dalam rangkaian perdagangan maritim Nusantara, yang memperdagangkan pelbagai komoditi termasuk rempah ratus, besi dan sumber hutannya. Warisan maritimnya berpotensi untuk meningkatkan pelancongan warisan, identiti negara dan ekonomi kreatif di Malaysia. Oleh itu, kajian ini menawarkan pemahaman bersepadu tentang sejarah maritim Kedah Tua dan mengetengahkan peluang dan cabaran untuk memanfaatkan warisan ini dalam Malaysia kontemporari. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman historiografi maritim Kedah Tua dengan menghubungkan warisan perdagangan rempah kepada pembangunan identiti nasional, pelancongan warisan dan pemerikasaan ekonomi komuniti kontemporari.

Kata kunci: Kedah Tua, perdagangan rempah, alam Melayu nusantara, warisan budaya, ekonomi komuniti.

ABSTRACT

This study aims to analyze and evaluate the role of the ancient Kedah kingdom in the spice trade in the Malay Archipelago and record the potential of this maritime heritage in the economic development process of contemporary communities. Ancient Kedah, as a maritime entrepôt kingdom located on the Straits of Malacca-South China Sea trade route, has been involved in international trade since before Christ, making it possible for this kingdom to play a role in the spice trade in the Malay Archipelago. To complete the study, research methodologies such as reviewing academic literature, historical documents, and archaeological reports. The study employed research methodologies such as reviewing academic literature, historical documents, and archaeological reports. The results of the study revealed that although direct archaeological evidence for the spice commodity of ancient Kedah is limited, based on the geographical position of ancient Kedah and the regional trade context, ancient Kedah may have been critically involved in the spice trade, in addition to there being significant evidence of iron production, port structures, and other artifacts in the Bujang Valley that indicate this area as a major trading location. Therefore, this study states that ancient Kedah is an important node in the maritime trade network of the Nusantara, which trades various commodities, including spices, iron, and its forest resources. Its maritime heritage has the potential to enhance heritage tourism, national identity, and the creative economy in Malaysia. Therefore, this study offers an integrated understanding of the maritime history of ancient Kedah and highlights the opportunities and challenges for harnessing this heritage in contemporary Malaysia. This study contributes to the understanding of the maritime historiography of ancient Kedah by linking the legacy of the spice trade to the development of national identity, heritage tourism, and the economic empowerment of contemporary communities.

Keywords: ancient Kedah, spice trade, Malay archipelago, cultural heritage, community economy

PENGENALAN

Kedah Tua merupakan salah satu kerajaan maritim terawal (Mohd Hasfarisham et al., 2025a) dan yang penting dalam sejarah Kepulauan Melayu. Berkembang di kawasan yang kini dikenali sebagai Lembah Bujang, Kedah, kerajaan ini memainkan peranan penting dalam perdagangan antarabangsa antara kurun ke-6 Sebelum Masihi (SM) hingga ke-14 Masihi (M). Kedudukan geografinya yang strategik di pintu masuk Selat Melaka dan berhampiran Teluk Bengal menjadikan Kedah Tua sebagai pelabuhan masuk utama yang menghubungkan rantaian perdagangan India, China, Arab dan Asia Tenggara (Nasha et al., 2017).

Sebagai pusat persinggahan penting bagi pedagang dari pelbagai tamadun, Kedah Tua memainkan peranan penting dalam perdagangan rempah ratus yang menjadi komoditi paling berharga dalam ekonomi global sepanjang tempoh yang dimaksudkan. Dalam konteks kepulauan rempah, Kedah Tua memainkan peranan penting dalam rantaian perdagangan yang menghubungkan pusat pengeluaran rempah di Maluku (cengkih, pala, cokmar) dan Sumatra (lada) dengan pasaran di India, Timur Tengah dan China (Sulistiyono et al., 2018; Sibi, 2024). Perdagangan rempah ini membentuk tulang belakang ekonomi maritim Asia Tenggara dan mewujudkan rangkaian pedagang pelbagai etnik yang kompleks, termasuk pedagang India, Arab, Cina dan Melayu (Sibi, 2024).

Perdagangan rempah di Kepulauan Alam Melayu telah lama menjadi tarikan utama pedagang asing. Rempah seperti lada, cengkih, pala, kayu manis dan bunga lawang bukan sahaja digunakan sebagai perisa makanan, tetapi juga sebagai ubat, pewangi dan pengawet (Alfiyyatus et al., 2025). Permintaan rempah yang tinggi di pasaran Eropah, Timur Tengah dan Asia Timur menjadikan kepulauan ini sebagai wilayah yang sangat penting dalam ekonomi dunia. Kedah Tua, dengan kedudukan strategiknya (Zuliskandar, 2020), berfungsi sebagai nod penting dalam menghubungkan pengeluar rempah ratus di kepulauan Indonesia dengan pasaran global.

Bukti arkeologi yang ditemui di Lembah Bujang memberikan gambaran yang jelas tentang kehebatan Kedah Tua sebagai pusat perdagangan. Penemuan arkeologi termasuk bengkel peleburan besi (Mohd Hasfarisham et al., 2025b), jeti sungai (Mohd Hasfarisham et al., 2025a), pengurusan pelabuhan (Mohd Hasfarisham & Mokhtar, 2025a), struktur kuil Hindu-Buddha, seramik dari China dan Timur Tengah, patung dan inskripsi (Zuliskandar, 2020), menunjukkan bahawa Kedah Tua bukan sahaja merupakan pusat perdagangan, tetapi juga pusat budaya dan agama yang penting (Adnan, 2016).

Kemerosotan Kedah Tua pada abad ke-14 M disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk perubahan politik dan sosioekonomi serantau, persaingan dengan pelabuhan lain dan kebangkitan Kesultanan Melaka yang mengambil alih peranan Kedah Tua sebagai pelabuhan masuk utama di Selat Melaka (Nasha et al., 2019). Walaupun begitu, legasi perdagangan rempah Kedah Tua terus hidup dan merupakan bahagian penting dalam identiti sejarah dan budaya Malaysia.

Pada masa kini, warisan Kedah Tua mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada ekonomi Malaysia melalui pelancongan warisan, pendidikan sejarah dan pembangunan ekonomi kreatif. Lembah Bujang, yang merupakan tapak arkeologi terbesar di Malaysia dengan keluasan lebih 1,000 km², telah diiktiraf sebagai kawasan warisan yang penting dan menjadi tarikan pelancong domestik dan antarabangsa (Mohd Hasfarisham et al., 2025c). Walau bagaimanapun, potensi penuh warisan ini belum dimanfaatkan sepenuhnya dan terdapat keperluan untuk kajian yang lebih mendalam tentang peranan Kedah Tua dalam perdagangan dan bagaimana warisan ini dapat dimanfaatkan untuk pembangunan ekonomi Malaysia kontemporari.

Malah, kajian ini turut bertujuan untuk menganalisis perkembangan Kedah Tua dalam aspek perdagangan rempah ratus di Alam Melayu Nusantara dengan tumpuan kepada bukti arkeologi dan sumber sejarah, serta mengkaji hubungannya dengan warisan budaya dan ekonomi Malaysia pada hari ini. Kajian ini penting kerana ia bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman tentang sejarah maritim kepulauan, tetapi juga memberikan gambaran tentang bagaimana warisan sejarah dapat dimanfaatkan untuk pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Walaupun terdapat banyak kajian yang membincangkan Kedah Tua sebagai pelabuhan entrepot awal, masih terdapat jurang kajian yang ketara berkenaan hubungan antara warisan perdagangan maritim Kedah Tua dengan pembangunan ekonomi komuniti kontemporari. Kajian-kajian terdahulu umumnya memfokuskan kepada aspek arkeologi dan sejarah semata-mata, tanpa mengkaji secara mendalam implikasi praktikalnya kepada masyarakat masa kini. Berdasarkan kepada fakta berkenaan maka kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menentukan bagaimana warisan perdagangan rempah Kedah Tua dapat dimanfaatkan untuk memperkukuh identiti nasional dan memacu pembangunan ekonomi komuniti kontemporari di Malaysia. Selain itu, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan mensintesis bukti arkeologi, sumber sejarah dan implikasi kontemporari secara bersepadu, seterusnya menawarkan kerangka analitis baharu yang menghubungkan warisan maritim dengan pembangunan komuniti mampan.

SOROTAN LITERATUR

Konsep Pelabuhan Entrepot dan Fungsinya

Pelabuhan entrepot merujuk kepada pelabuhan perantaraan yang berfungsi sebagai pusat pengumpulan, penyimpanan, dan pengagihan semula komoditi perdagangan antara pedagang dari pelbagai wilayah tanpa perlu menempuh keseluruhan jarak perjalanan maritim (Mohd Hasfarisham & Mokhtar, 2026). Dalam konteks perdagangan maritim Asia purba, pelabuhan entrepot memainkan peranan kritikal sebagai nod penghubung dalam rangkaian perdagangan jarak jauh yang menghubungkan pengeluar komoditi dengan pasaran pengguna akhir (Mohd Hasfarisham et al., 2025a). Sistem pelabuhan entrepot membolehkan pertukaran barangan berlaku secara efisien, di mana pedagang dari timur boleh menukar komoditi mereka dengan pedagang dari barat tanpa perlu melayari keseluruhan laluan perdagangan, sekali gus menjimatkan masa, kos, dan risiko pelayaran.

Fungsi utama pelabuhan entrepot merangkumi beberapa aktiviti ekonomi yang saling berkaitan. Pertama, ia menjalankan aktiviti pengumpulan komoditi dari pelbagai sumber pengeluaran sama ada dari kawasan pedalaman mahupun dari pelabuhan-pelabuhan kecil di sekitarnya. Kedua, aktiviti penyimpanan sementara komoditi sambil menunggu kedatangan pedagang pembeli atau musim monsun yang sesuai untuk pelayaran seterusnya. Pelabuhan entreport juga berperanan dalam menjalankan aktiviti pengagihan semula komoditi kepada pedagang dari pelbagai destinasi (Mohd Hasfarisham, 2019) sama ada ke arah barat menuju India dan Timur Tengah atau ke arah timur menuju China dan Asia Timur. Pelabuhan entrepot yang berjaya biasanya mempunyai beberapa ciri utama: kedudukan geografi yang strategik di persimpangan laluan perdagangan utama, kemudahan infrastruktur pelabuhan yang mencukupi seperti jeti, gudang, kemudahan pembaikan kapal serta keselamatan dan kestabilan politik yang menjamin perlindungan kepada pedagang asing (Morgan, 2024; Murphy, 2017).

Kedah Tua dalam Konteks Pelabuhan Entreport

Kedah Tua telah diiktiraf secara meluas dalam kesusasteraan akademik sebagai salah satu pelabuhan terawal dan terpenting di Asia Tenggara. Menurut Noor Syahidah et al., (2022), Kedah Tua berfungsi

sebagai pelabuhan purba untuk perdagangan antarabangsa sehingga kurun ke-14 M, dan merupakan simbol tamadun Melayu. Kedudukan strategik Kedah Tua di pintu masuk Selat Melaka dan berhampiran Teluk Bengal menjadikannya lokasi yang ideal untuk aktiviti perdagangan maritim, menghubungkan pedagang dari India, China, Arab dan wilayah lain di kepulauan ini.

Murphy (2017) dalam kajian komprehensifnya berhujah bahawa Kedah Tua harus dilihat sebagai pelabuhan perdagangan kosmopolitan yang kompleks dengan pengaruh agama dan perdagangan Indik yang jelas, mencerminkan hubungan yang berterusan dengan Asia Selatan dan Asia Tenggara. Mohd Hasfarisham et al., (2025a) menerusi kajian di Kompleks Arkeologi Sungai Batu menjelaskan bahawa Kedah Tua bukan sekadar pelabuhan tunggal tetapi merupakan sistem pelabuhan entrepot yang kompleks yang terdiri daripada beberapa tapak yang saling berkaitan termasuk Sungai Batu, Pengkalan Bujang dan Sungai Mas. Setiap tapak dalam sistem ini memainkan peranan khusus dalam aktiviti perdagangan seperti Sungai Batu sebagai pusat pengeluaran perindustrian (peleburan besi), Sungai Mas sebagai kawasan perdagangan entrepot yang pemprosesan dan pembuatan manik manakala Pengkalan Bujang sebagai pelabuhan yang menghasilkan tembikar. Kesemua pelabuhan berkenaan memainkan peranan sebagai kawasan pengagihan komoditi perdagangan antarabangsa Kedah Tua.

Jacq-Hergoualc'h (1992) dalam kajian komprehensifnya tentang tamadun pelabuhan-entrepot, menjelaskan bahawa Kedah Tua berkembang sebagai pusat perdagangan maritim utama di Alam Melayu Nusantara. Pelabuhan Kedah Tua juga telah berfungsi sebagai nod penting dalam rantai perdagangan yang menghubungkan India dengan China melalui Selat Melaka-Laut China Selatan. Sistem pelabuhan entrepot ini membolehkan pertukaran barangan antara pedagang dari timur dan barat tanpa perlu menempuh jarak jauh, sambil menjimatkan masa dan kos.

Naizatul Akma et al., (2022) berdasarkan di tapak industri peleburan besi Kedah Tua menggunakan pemetaan geofizik mendapati bahawa Sungai Batu dan Jeniang-Sik merupakan pusat pengeluaran besi yang penting dengan bukti relau, tuyere dan sisa besi yang menunjukkan aktiviti peleburan besi yang intensif. Kajian geofizik ini mengesahkan bahawa Kedah Tua bukan sahaja berfungsi sebagai pelabuhan pengagihan semula tetapi juga sebagai pusat pengeluaran komoditi yang kemudiannya dieksport ke pasaran antarabangsa yang memperkukuhkan status Kedah Tua sebagai pelabuhan entrepot yang aktif dalam rangkaian perdagangan Asia.

Zuliskandar (2020) dalam kajiannya tentang sejarah, pembangunan ekonomi dan hubungan antarabangsa Kedah Tua, menyatakan bahawa Kedah Tua bukan sahaja berfungsi sebagai pelabuhan perdagangan, tetapi juga sebagai pusat politik dan budaya yang penting. Kerajaan ini mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan yang luas dengan kerajaan-kerajaan di India, China dan Asia Tenggara. Pembangunan ekonomi Kedah Tua sangat bergantung pada perdagangan maritim, terutamanya perdagangan rempah ratus dan komoditi berharga yang lain.

Mohd Hasfarisham et al. (2025a) telah mendokumentasikan seni bina jeti sungai purba di Sungai Batu yang dibina seawal 582 SM. Bukti tersebut menunjukkan infrastruktur pelabuhan terawal di rantau ini daripada bata yang menyokong perdagangan jarak jauh. Ekskavasi arkeologi di tapak jeti berkenaan yang mendedahkan artifak perdagangan seperti seramik China, Timur Tengah dan Eropah, kaca dari Timur Tengah, manik Indopasifik dari India secara jelas menunjukkan berlakunya perdagangan antarabangsa di Sungai Batu.

Fauziah et al. (2022) dalam kajian mereka tentang jalur perdagangan maritim trans-India dan kesannya terhadap tamadun Melayu, menekankan peranan penting Kerajaan Kedah Tua dalam jalur perdagangan

Lautan Hindi. Mereka berpendapat bahawa Kedah Tua merupakan salah satu pelabuhan utama yang menghubungkan India dengan Asia Tenggara, dan perdagangan maritim ini bukan sahaja membawa barangan, tetapi juga idea, agama dan budaya yang membentuk tamadun Melayu.

Ooi Keat (2022) berhujah bahawa Selat Melaka telah berfungsi sebagai penghubung maritim semula jadi yang menghubungkan Semenanjung Tanah Melayu dengan kepulauan Jawa dan Borneo dan telah membentuk paksi teras interaksi maritim serantau sejak sekurang-kurangnya pertengahan abad ke-7 M. Kedudukan Kedah Tua pada pendekatan utara Selat ini menjadikannya antara pelabuhan pertama yang dilawati oleh kapal-kapal yang memasuki Selat Melaka dari arah barat. Morgan (2024) dalam sintesisnya tentang Asia Tenggara, China, dan 'lalu lintas sutera maritim' c.900-1650 turut mengiktiraf Kedah Tua sebagai nod penting dalam rangkaian perdagangan trans-Asia yang lebih luas, dengan pelabuhan-pelabuhan di Lembah Bujang berfungsi sebagai pusat pengagihan semula komoditi antara pedagang dari India, Timur Tengah, dan China (Ooi Keat, 2022; Morgan, 2024).

Pristi et al. (2025) turut mengkaji peranan tapak Lembah Bujang, Kedah dan Kota China, Indonesia dalam dinamik rangkaian perdagangan Selat Melaka pada abad ke-12 hingga ke-14 M. Kajian tersebut menunjukkan bahawa kedua-dua tapak berkenaan memainkan peranan penting dalam perdagangan serantau, dengan Lembah Bujang berfungsi sebagai pelabuhan utama yang menghubungkan pedagang dari pelbagai wilayah. Bukti arkeologi menunjukkan aktiviti perdagangan yang intensif di kawasan itu, termasuk pertukaran seramik, logam dan komoditi lainnya.

Mohd Hasfarisham & Mokhtar (2025b) dalam kajian terkini tentang Kerajaan Kedah Tua berdasarkan kajian arkeologi, menekankan bahawa tafsiran arkeologi memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang struktur politik, ekonomi dan sosial Kedah Tua. Hasil kajian menyimpulkan bahawa bukti arkeologi menunjukkan bahawa Kedah Tua merupakan sebuah kerajaan yang maju dengan sistem pentadbiran yang teratur dan ekonomi yang kukuh berdasarkan perdagangan maritim.

Literatur ini menunjukkan bahawa Kedah Tua memainkan peranan yang sangat penting sebagai pelabuhan kemasukan awal di Kepulauan Melayu, dan perkembangannya sangat dipengaruhi oleh kedudukan geografinya yang strategik dan keupayaannya untuk menghubungkan rangkaian perdagangan antarabangsa.

Kedudukan Kedah Tua dalam Jaringan Perdagangan Rempah

Perdagangan rempah ratus merupakan salah satu aktiviti ekonomi terpenting dalam sejarah Kepulauan Melayu. Rempah ratus seperti cengkih, buah pala, lada, kayu manis dan bunga lawang yang berasal dari kepulauan Indonesia sangat diperlukan di pasaran global, terutamanya di Eropah, Timur Tengah dan Asia Timur. Permintaan yang tinggi terhadap rempah ratus ini menjadikan kepulauan ini sebagai wilayah yang sangat penting dalam ekonomi dunia pada zaman lampau (Averbuch, 2022; Berkat & Seniwati, 2024).

Dalam konteks jaringan perdagangan rempah Nusantara, Kedah Tua memainkan peranan yang khusus dan strategik sebagai pelabuhan pengumpulan dan pengagihan semula rempah di lalu lintas barat Selat Melaka. Berkat & Seniwati (2024) dalam kajian mereka tentang diplomasi maritim rempah di Nusantara menjelaskan bahawa rempah dari Maluku diangkut melalui rangkaian pelabuhan perantara sebelum tiba di pasaran akhir di India, Timur Tengah, dan Mediterranean. Kedah Tua dengan kedudukannya di pintu masuk utara Selat Melaka memungkinkan ianya berfungsi sebagai salah satu titik penting dalam rangkaian pengagihan ini, di mana rempah dari kepulauan timur dikumpulkan dan diagihkan semula kepada pedagang yang menuju ke pasaran barat (Berkat & Seniwati, 2024).

Alfiyyatus et al., (2025) mendedahkan bahawa perdagangan rempah ratus bukan sahaja merupakan aktiviti ekonomi, tetapi juga merupakan medium penyebaran budaya dan agama. Pedagang Muslim memainkan peranan penting dalam perdagangan rempah ratus, dan melalui interaksi perdagangan, perkahwinan campur, dan pembentukan komuniti pesisir, mereka berjaya mempengaruhi struktur sosial dan meluaskan penerimaan ajaran Islam dalam kalangan penduduk tempatan. Kajian ini menunjukkan bahawa perdagangan rempah ratus merupakan bahagian penting dalam rangkaian ekonomi global pada abad ke-16 M.

Hoogervorst (2021) dalam kajian tentang jaringan komersial yang menghubungkan Asia Tenggara dengan Lautan Hindi mendapati bahawa pedagang Arab dan Parsi memainkan peranan yang semakin penting dari abad ke-8 M dalam mengimport barangan aromatik Asia Tenggara dan kemudiannya menyumbang kepada pembentukan komuniti pelabuhan kosmopolitan. Kedah Tua yang berperanan sebagai salah satu pelabuhan utama di laluan ini sudah tentu menjadi destinasi penting bagi pedagang Muslim yang membawa rempah ke pasaran barat. Ducène (2024) dalam kajian tentang perdagangan rempah zaman pertengahan di dunia Arab mengesahkan bahawa lada, cengkih, dan pala dari Asia Tenggara merupakan antara komoditi yang paling dicari di pasaran Arab, dan laluan perdagangan ini melibatkan pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Tanah Melayu termasuk Kedah (Ducène, 2024; Hoogervorst, 2021).

Komoditi Rempah dan Peranan Ekonomi

Aisyah (2016) dalam kajiannya tentang perdagangan di kepulauan pada kurun ke-16 M, menekankan bahawa kepulauan merupakan pusat perdagangan rempah yang paling penting di dunia. Beliau menjelaskan bahawa pelabuhan di kepulauan, termasuk Kedah, Melaka, dan pelabuhan lain di kepulauan Maluku, berfungsi sebagai nod penting dalam rangkaian perdagangan yang menghubungkan pengeluar rempah dengan pasaran global. Perdagangan ini melibatkan pedagang dari pelbagai negara, termasuk India, China, Arab, Parsi, dan kemudian Eropah.

Ririmasse (2017) dalam kajiannya tentang interaksi perdagangan rentas sempadan di Maluku sebelum wujudnya laluan rempah, menjelaskan bahawa perdagangan rempah di kepulauan telah wujud sejak zaman purba, jauh sebelum kedatangan pedagang Eropah. Beliau menggunakan perspektif arkeologi untuk menunjukkan bahawa orang Maluku telah terlibat dalam perdagangan rempah dengan wilayah lain di kepulauan dan Asia selama ribuan tahun. Kajian ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang sejarah awal perdagangan rempah di kepulauan.

Ujon (2019) dalam kajiannya tentang pembinaan semula laluan perkapalan untuk kapal-kapal Eropah pada kurun ke-16 hingga ke-17 M di Kepulauan Maluku, menunjukkan bahawa kedatangan pedagang Eropah, terutamanya Portugis, Sepanyol dan Belanda, telah mengubah dinamik perdagangan rempah di kepulauan tersebut. Laluan perkapalan yang digunakan oleh kapal-kapal Eropah menunjukkan kepentingan strategik kepulauan Maluku sebagai pengeluar utama cengkih dan pala dan bagaimana perdagangan ini dikawal oleh kuasa penjajah Eropah.

Simmons (2024) dalam kajian tentang perdagangan Lautan Hindi menegaskan bahawa kepentingan perdagangan rempah bukan sahaja bersifat ekonomi, tetapi juga mendorong penjajahan Eropah dan peralihan ke arah pengeluaran kapitalis dan kawalan imperial di dunia Lautan Hindi. Hsieh & Sakai (2023) dalam kajian mereka tentang seribu tahun hubungan antara kawasan Lautan Hindi dan Asia Tenggara menunjukkan bukti material bagi hubungan Lautan Hindi jangka panjang yang membawa bentuk-bentuk keagamaan dan budaya merentasi abad. Bukti tersebut menunjukkan bahawa laluan perdagangan rempah juga merupakan vektor penghantaran ideologi dan amalan ritual. Dalam konteks ini, Kedah Tua bukan sahaja berfungsi sebagai pelabuhan perdagangan komoditi tetapi juga sebagai titik pertemuan pelbagai

tradisi budaya dan agama yang dibawa oleh pedagang dari pelbagai peradaban (Simmons, 2024; Hsieh & Sakai, 2023).

Ahmad Jelani (2020) dalam kajiannya tentang kawalan maritim dan aktiviti perdagangan antarabangsa kerajaan-kerajaan Melayu menekankan bahawa kerajaan-kerajaan Melayu memainkan peranan penting dalam menyelia perdagangan maritim di kepulauan tersebut. Kawalan maritim ini membolehkan kerajaan-kerajaan Melayu mengutip cukai dan tol daripada pedagang yang melalui perairan mereka di samping menjana pendapatan yang besar untuk kerajaan tersebut. Perdagangan rempah merupakan salah satu sumber pendapatan utama kerajaan-kerajaan Melayu.

Komoditi rempah yang berkemungkinan didagangkan melalui rantai yang melibatkan Kedah termasuk cengkih (Sibi, 2024), buah pala (Berkat & Seniwati, 2024), lada (Pearson, 1996) dan kayu manis (Dasanayake, 2016) melalui laluan pulau menuju Makassar dan Melaka sebagai sebahagian daripada koridor rempah kepulauan (Sibi, 2024). Rempah-rempah ini diangkut di sepanjang rantai pulau ke usahawan utama, kemudian ke pasaran Lautan Hindi dan Asia Tenggara, yang kemudiannya diintegrasikan ke dalam perdagangan Lautan Hindi yang lebih luas yang menghubungkan Asia Selatan dengan pelabuhan Asia Tenggara dan seterusnya ke pasaran Timur Tengah dan Mediterranean (Pearson, 1996).

Literatur ini menunjukkan bahawa perdagangan rempah merupakan tulang belakang ekonomi Kepulauan Melayu, dan Kedah Tua sebagai salah satu pelabuhan utama juga berkemungkinan memainkan peranan penting dalam aktiviti perdagangan ini.

Sistem Monsun sebagai Penggerak Perdagangan Maritim

Laluan maritim utama menghubungkan pulau-pulau penghasil rempah di timur dengan pelabuhan pengumpulan di Jawa dan Sumatra, kemudian ke Melaka dan seterusnya ke Lautan Hindi dan Laut China Selatan (Lapian, 2023). Sistem perdagangan ini sangat bergantung pada corak angin monsun yang bertiup secara bermusim yang membolehkan kapal merentasi lautan (Nordin, 2008) untuk berdagang. Monsun timur laut yang bertiup dari November hingga Mac membolehkan perkapalan dari China dan Asia Timur ke Asia Tenggara serta dari pelabuhan barat kepulauan di timur. Sebaliknya, monsun barat daya yang bertiup dari Mei hingga September memudahkan perkapalan dari Asia Tenggara ke India dan Timur Tengah serta dari pulau-pulau timur ke pelabuhan barat kepulauan (Lapian, 2023).

Perttola (2022) dalam kajian inovatifnya yang diterbitkan dalam *Journal of Archaeological Method and Theory* menggunakan data angin dinamik dan Peta Selden untuk menunjukkan penukaran dua kali setahun angin monsun Asia Timur dan corak kitaran yang terhasil dalam tempoh pelayaran dan pilihan laluan di kawasan Laut China Selatan. Kajian ini membuktikan bahawa pedagang zaman pertengahan mempunyai pemahaman yang mendalam tentang corak monsun dan menggunakannya secara strategik untuk merancang pelayaran mereka, dengan pelabuhan-pelabuhan seperti Kedah Tua berfungsi sebagai tempat menunggu yang penting semasa peralihan musim monsun (Perttola, 2022).

Selat Melaka sebagai Koridor Maritim Utama dan Kedudukan Kedah Tua

Pedagang mahir akan merancang pelayaran mereka mengikut corak monsun ini selalunya menunggu di pelabuhan tertentu supaya angin yang sesuai akan bertiup menggunakan laluan perdagangan Selat Melaka dan Laut China Selatan. Walaupun pelabuhan Melaka telah menggantikan peranan pelabuhan Kedah Tua selepas kurun ke-14 M, pelabuhan Kedah Tua masih dikunjungi dan berdasarkan kajian Ibrahim (2020), pelabuhan Kedah Tua masih merupakan salah satu lokasi pilihan untuk perdagangan rempah di laluan perdagangan Selat Melaka.

Ooi Keat (2022) berhujah bahawa Selat Melaka bertindak sebagai 'jambatan' semula jadi yang menghubungkan Semenanjung Tanah Melayu dengan kepulauan yang lebih luas dan membentuk paksi teras interaksi maritim serantau. Dalam konteks ini, Kedah Tua yang terletak di pendekatan utara Selat Melaka menduduki posisi yang sangat strategic dan atas sebab berkenaan ia disinggahi oleh kapal-kapal dagang sebelum kapal berkenaan meninggalkan Selat menuju ke lautan terbuka. Kedudukan ini menjadikan Kedah Tua sebagai nod yang tidak dapat dielakkan dalam laluan perdagangan Selat Melaka membolehkannya mengumpul cukai dan tol daripada pedagang yang melalui perairannya sambil menyediakan perkhidmatan pelabuhan yang diperlukan (Ooi Keat Gin, 2022; Murphy, 2017).

Walaupun bagaimanapun mengenai laluan perdagangan serantau itu sendiri, laluan perdagangan tipikal untuk rempah dari Maluku melibatkan pengangkutan dari pulau-pulau pengeksport ke pelabuhan pengumpulan di Maluku (seperti Ternate). Rempah-rempah kemudiannya dibawa merentasi Laut Banda dan Laut Jawa ke pelabuhan di Jawa (seperti Gresik atau Tuban), kemudian ke Melaka melalui Selat Sunda atau Selat Melaka, dan akhirnya ke destinasi terakhir di India, Timur Tengah atau China (Hall, 1985) untuk perdagangan. Laluan alternatif juga wujud termasuk laluan utara melalui Laut Sulu yang menghubungkan Maluku dengan Filipina dan China (Sarjiyanto & Nurul Adliyah, 2023). Kepelbagaian laluan ini memberikan fleksibiliti kepada pedagang dan memastikan perdagangan rempah dapat diteruskan walaupun terdapat gangguan pada laluan tertentu (Nordin, 2008).

Oleh yang demikian maka tidak hairanlah apabila Murphy (2017) menegaskan bahawa Kedah Tua harus dilihat sebagai kompleks entrepot Asia Tenggara yang terletak di persimpangan laluan perdagangan maritim utama di mana laluan monsun Lautan Hindi, Laut China Selatan dan koridor Selat Melaka bertemu. Kedudukan ini membolehkan Kedah Tua berfungsi sebagai pusat pengagihan semula yang menghubungkan pedagang dari tiga arah utama iaitu pedagang dari India dan Timur Tengah yang datang dari barat melalui Lautan Hindi, pedagang dari China dan Asia Timur yang datang dari timur laut melalui Laut China Selatan dan pedagang dari kepulauan Nusantara yang membawa rempah dari kepulauan timur. Integrasi ketiga-tiga laluan perdagangan ini di Kedah Tua menjadikannya pusat pertukaran kosmopolitan yang unik dalam sejarah perdagangan maritim Asia Tenggara (Murphy, 2017; Ooi Keat, 2022; Perttola, 2021).


METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian deskriptif-analitis (Rajah 1). Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia sesuai untuk mengkaji fenomena sejarah dan budaya yang kompleks, serta membolehkan analisis mendalam terhadap data arkeologi dan sumber sejarah. Reka bentuk deskriptif-analitis membolehkan penyelidik untuk menggambarkan perkembangan Kedah Tua dalam aspek perdagangan rempah secara terperinci serta menganalisis hubungan antara pelbagai faktor yang mempengaruhi perkembangan dan kemerosotan Kedah Tua.

Kajian ini juga bersifat retrospektif iaitu mengkaji peristiwa dan perkembangan yang berlaku pada masa lampau (kurun ke-6 SM hingga ke-14 M) berdasarkan bukti arkeologi dan sumber sejarah yang tersedia. Kajian ini juga bersifat interdisipliner yang menggabungkan pendekatan dari bidang sejarah, arkeologi, geografi, ekonomi dan kajian warisan budaya untuk memberikan pemahaman yang komprehensif tentang topik kajian.

Rajah 1

Carta Alir Metodologi Yang Diaplikasikan Bagi Memperlengkapkan Kajian Ini



SUMBER DATA

Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada pelbagai sumber, termasuk:

Kajian Literatur Akademik

Kajian literatur akademik merupakan sumber data utama dalam kajian ini. Penyelidik telah menjalankan carian literatur yang komprehensif merentasi pangkalan data scopus dan Google Scholar. Carian literatur difokuskan kepada topik-topik seperti Kedah Tua, perdagangan rempah, Alam Melayu Nusantara, sejarah, arkeologi, ekonomi dan warisan Malaysia. Sebanyak 219 hasil carian telah diperoleh dan setelah proses deduplikasi, 72 manuskrip yang menepati tema telah dikenal pasti dan disusun mengikut relevansi.

Laporan Arkeologi

Laporan arkeologi daripada ekskavasi serta kajian di Lembah Bujang dan kawasan sekitarnya digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang bukti fizikal perdagangan di Kedah Tua. Laporan-laporan ini memberikan maklumat terperinci tentang struktur candi, artifak, seramik, arca, prasasti dan struktur pelabuhan yang ditemui di tapak arkeologi.

Sumber Sejarah Bertulis

Sumber sejarah bertulis dari catatan China, India dan Arab yang merujuk kepada Kedah Tua digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang aspek politik, ekonomi dan sosial Kedah Tua. Sumber-sumber ini memberikan perspektif luar tentang Kedah Tua dan peranannya dalam perdagangan antarabangsa.

Kaedah Analisis Data

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif dan analisis tematik. Proses analisis data melibatkan langkah-langkah berikut:

Pengumpulan dan Organisasi Data

Semua sumber data dikumpul dan diorganisasikan mengikut tema dan topik yang berkaitan dengan objektif kajian. Data daripada kajian literatur akademik, laporan arkeologi dan sumber sejarah disusun secara sistematik untuk memudahkan proses analisis.

Analisis Awal

Penyelidikan dan penelitian menyeluruh terhadap sumber data dijalankan untuk mendapatkan pemahaman awal tentang kandungan dan tema utama kajian. Nota awal dibuat untuk merekodkan idea dan tema yang muncul daripada analisis awal yang telah dijalankan.

Pengekoden dan Kategorisasi

Data turut dianalisis secara sistematik dengan mengenal pasti tema, konsep dan pola yang berkaitan dengan objektif kajian. Proses pengekoden melibatkan pemberian label kepada segmen data yang berkaitan dengan tema tertentu. Tema-tema yang dikenal pasti dianalisis secara mendalam untuk memahami hubungan antara pelbagai faktor dan untuk menjawab soalan kajian. Analisis tematik melibatkan perbandingan dan sintesis maklumat daripada pelbagai sumber untuk membina pemahaman yang komprehensif tentang topik kajian.

Triangulasi Data

Untuk meningkatkan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, penyelidik menggunakan kaedah triangulasi data iaitu membandingkan maklumat daripada pelbagai sumber (kajian literatur, laporan arkeologi dan sumber sejarah) untuk mengesahkan dapatan dan mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam maklumat yang diperolehi.

Interpretasi dan Sintesis

Dapatan daripada analisis data diinterpretasikan dalam konteks objektif kajian dan kerangka teori yang digunakan. Sintesis maklumat daripada pelbagai sumber dilakukan untuk membina naratif yang koheren tentang perkembangan Kedah Tua dalam aspek perdagangan rempah.

Kriteria Pemilihan Sumber

Pemilihan sumber yang sistematik merangkumi keaslian, asalan, kebolehpercayaan dan triangulasi pelbagai jenis bukti bagi memastikan hujah arkeologi dan sejarahnya kukuh dan boleh dipertahankan secara akademik. Sumber sejarah yang digunakan dalam kajian merupakan data yang telah disaring dan diterbitkan di dalam jurnal akademik bereputasi tinggi bagi menjamin ketepatan data. Bagi menjamin kualiti data arkeologi yang digunakan dalam memperlengkapkan kajian, maka data daripada penyelidik lapangan dalam bentuk tesis dan jurnal akademik daripada Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia dan Persatuan AncKed Sungai Batu telah digunakan bagi memperlengkapkan kajian ini.

Selain itu, proses pemilihan sumber juga dijalankan secara sistematik dengan menggunakan kriteria kemasukan dan pengecualian yang jelas. Sumber-sumber yang dimasukkan adalah terbitan dalam jurnal akademik bereputasi (terindeks dalam pengkalan data Scopus dan Google Scholar), laporan arkeologi rasmi daripada institusi penyelidikan bertauliah serta catatan sejarah primer yang telah disahkan oleh sarjana. Sumber yang dikecualikan termasuk artikel popular tanpa rujukan akademik dan sumber yang tidak dapat disahkan kesahihannya. Kaedah analisis data melibatkan analisis kandungan kualitatif bagi mengenal pasti tema, corak dan hubungan antara pelbagai sumber. Prosedur triangulasi dilaksanakan dengan membandingkan dapatan daripada tiga kategori sumber utama iaitu kajian literatur akademik, laporan arkeologi dan sumber sejarah bertulis bagi meningkatkan kesahihan dan ketelusan kajian. Sebarang percanggahan antara sumber dianalisis secara kritis dan dilaporkan secara telus dalam perbincangan dapatan kajian.

HASIL KAJIAN

Kedudukan Geografi dan Strategik Kedah Tua

Kedudukan geografi Kedah Tua merupakan faktor paling kritikal yang menentukan kejayaannya sebagai pelabuhan masuk utama perdagangan rempah ratus di Kepulauan Melayu. Terletak di kawasan yang kini dikenali sebagai Lembah Bujang di negeri Kedah, Malaysia, Kedah Tua menduduki lokasi strategik di pintu masuk Selat Melaka dan berhampiran Teluk Bengal (Khaw et al., 2017). Kedudukan ini menjadikan Kedah Tua sebagai titik pertemuan semula jadi antara pedagang dari India, China, Arab dan wilayah lain di kepulauan ini. Pada masa kini tinggalan legasi kerajaan ini meliputi kawasan dari Bukit Choras di utara Gunung Jerai, Lembah Sungai Merbok dan Sungai Muda, hingga Cherok Tokkun di selatan (Mohd Hasfarisham & Mokhtar, 2025). Gunung Jerai, yang menjulang setinggi 1,217 meter, berfungsi sebagai penanda arah penting bagi pelaut yang melintasi Selat Melaka, memudahkan navigasi maritim ke pelabuhan Kedah Tua (Jacq-Hergoualc'h, 1992).

Sistem sungai di Lembah Bujang terutamanya Sungai Merbok dan Sungai Muda dan cawangan anak sungainya telah memainkan peranan penting dalam memudahkan akses ke pelabuhan Kedah Tua (Peta 1). Sungai-sungai ini berfungsi sebagai laluan pengangkutan yang menghubungkan pelabuhan pesisir pantai dengan kawasan pedalaman, membolehkan pergerakan barangan dan manusia yang lebih mudah (Mohd Hasfarisham et al., 2025a). Penemuan struktur jeti sungai purba di kawasan ini memberikan bukti kukuh tentang infrastruktur pelabuhan yang maju dan teratur yang wujud semasa era Kedah Lama.

Kedudukan Kedah Tua di persimpangan laluan perdagangan maritim utama memberikan beberapa kelebihan strategik. Pertama, ia terletak di laluan perdagangan antara India dan China iaitu dua kuasa ekonomi terbesar pada zaman purba. Pedagang dari India yang menuju ke China, dan sebaliknya, sering singgah di Kedah Tua untuk mengisi bekalan, membaiki kapal dan bertukar barang (Fauziah et al., 2022). Keduaanya, Kedah Tua juga berfungsi sebagai pintu masuk ke kawasan penghasil rempah ratus di kepulauan ini terutamanya Maluku yang terkenal dengan rempah ratus seperti cengkih dan buah pala (Denissa, 2022).


Jacq-Hergoualc'h (1992) dalam kajian mendalamnya tentang tamadun pelabuhan-entrepot di Kedah Tua, menjelaskan bahawa sistem pelabuhan-entrepot membolehkan pedagang dari timur dan barat bertemu dan bertukar barang tanpa perlu menempuh jarak jauh. Sistem ini sangat cekap dan menjimatkan masa dan kos, menjadikan Kedah Tua sebagai nod penting dalam rangkaian perdagangan global. Kajian ini menekankan bahawa kejayaan Kedah Tua sebagai pelabuhan masuk bukan sahaja bergantung pada kedudukan

geografinya tetapi juga pada usaha kerajaan untuk menyediakan infrastruktur yang sesuai, keselamatan untuk pedagang dan sistem pentadbiran yang cekap.

Nasha et al., (2019) dalam kajiannya tentang peranan tapak Lembah Bujang dalam dinamik rantaian perdagangan Selat Melaka pada kurun ke-12 hingga ke-14 M telah menekankan bahawa Lembah Bujang bukan sahaja berfungsi sebagai pelabuhan perdagangan tetapi juga sebagai pusat pengagihan semula barangan. Barangan dari pelbagai wilayah dikumpulkan di Kedah Tua dan diagihkan ke destinasi akhir menerusi aktiviti perdagangan yang berlangsung. Sistem pengagihan semula ini memerlukan infrastruktur gudang, penyimpanan yang mudah dan sistem pentadbiran yang kompleks. Bukti sedemikian secara jelas direkodkan temuannya di Kompleks Arkeologi Sungai Batu (Mohd Hasfarisham & Mokhtar, 2025) yang mengukuhkan lagi interpretasi berkenaan.

Peta 1

Kesesuaian Sekitaran Kedah Tua Yang Mempunyai Sistem Sungai Yang Baik Serta Gunung Jerai Sebagai Penunjuk Arah Telah Memperkembangkan Pelabuhanannya Menjadi Entreport



Sumber: Penulis

Kedudukan strategik Kedah Tua juga memberikan kelebihan dari segi keselamatan. Pelabuhan ini berdekatan dengan Gunung Jerai sebagai penanda arah navigasi dan sistem sungai yang luas, kompleks dan terletak di kawasan pedalaman menjadikannya lebih selamat daripada serangan lanun dan musuh (Zuliskandar, 2020). Keselamatan ini penting untuk menarik pedagang asing yang membawa barangan berharga seperti rempah ratus, emas dan sutera.

Walau bagaimanapun, kedudukan geografi Kedah Tua juga membawa cabaran tertentu. Perubahan sungai dan garis pantai akibat turun-naik aras laut, hakisan dan pemendapan sedimen adalah masalah berterusan yang memerlukan penyelenggaraan infrastruktur pelabuhan yang berterusan (Nasha et al., 2019). Perubahan iklim dan bencana alam seperti banjir dan ribut juga boleh mengganggu aktiviti perdagangan di kawasan pelabuhan. Kesemua ini mampu memberi impak negatif terhadap kebolehpayaan pelabuhan Kedah Tua dalam mengoperasikan sistem ekonomi perdagangannya.

Secara keseluruhannya, kedudukan geografi dan strategik Kedah Tua merupakan faktor utama yang membolehkan kerajaan ini berkembang sebagai pusat perdagangan rempah utama di Kepulauan Melayu. Kedudukannya di persimpangan laluan perdagangan maritim utama, sistem sungai yang menyediakan akses mudah dan keselamatan yang baik menjadikan Kedah Tua destinasi pilihan pedagang daripada pelbagai tamadun untuk menjalankan transaksi perdagangan di kawasan pelabuhan kerajaan Kedah Tua itu sendiri dengan selamat dan terjamin.

Perdagangan Rempah dan Komoditi Utama

Kedah Tua terletak di pintu masuk Selat Melaka dan berfungsi sebagai emporium persinggahan yang menghubungkan Lautan Hindi dan Kepulauan telah menjadikannya lokasi yang baik untuk mengumpul dan mengagihkan semula komoditi rempah. Sumber bertulis India dan rekod arkeologi menganggap Kedah Tua sebagai pusat pelabuhan aktif dan tempat pemindahan kapal untuk pedagang yang menggunakan Teluk Bengal-Selat Melaka (Md Salleh, 2019) yang membolehkan interaksi perdagangan rempah berlaku di pelabuhan Kedah Tua. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan bahawa penglibatan ini bersifat inferens berdasarkan konteks perdagangan serantau dan bukti arkeologi langsung untuk komoditi rempah di tapak Kedah Tua masih memerlukan penyelidikan lanjutan yang lebih konprehensif.

Di samping itu, pengeluaran dan pengumpulan rempah di kepulauan Indonesia juga tersebar ke pantai Sumatra, Lampung, Borneo (tenggara Kalimantan) dan sebahagian Jawa Barat yang merupakan zon pengeluaran dan pengumpulan yang penting. Kajian yang dijalankan dengan jelas menunjukkan bagaimana rempah ratus ini bergerak melalui aktiviti perdagangan dari zon pengeluaran ke pelabuhan serantau dan seterusnya kepada pembeli antarabangsa (Rinaldo et al., 2023) yang memungkinkan ianya boleh diperdagangkan di pelabuhan Kedah Tua. Jenis rempah ratus yang boleh didagangkan di pelabuhan alam Melayu Nusantara termasuklah lada hitam (*Piper nigrum*), cengkih (*Syzygium aromaticum*), bunga dan buah pala (*Myristica fragrans*), kayu manis (*Cinnamomum verum*), bunga lawang (*Illicium verum*), kunyit (*Curcuma longa*), halia (*Zingiber officinale*) dan lengkuas (*Alpinia galanga*).

Lada hitam dan cengkih adalah antara rempah ratus yang paling banyak didagangkan dan paling berharga. Ujon (2019) dan Alfyyatus et al., (2025) menjelaskan bahawa lada hitam dan cengkih dari kepulauan terutamanya dari Sumatra, Maluku dan Jawa sangat popular di pasaran India, Timur Tengah dan Eropah. Buah dan bunga pala sangat dicari kerana aroma dan khasiat perubatannya. Ujon (2019) menjelaskan bahawa Kepulauan Maluku adalah satu-satunya pusat penghasilan buah pala dan cengkih di dunia pada zaman purba dan menjadikan rempah ratus ini sangat berharga dan menjadi sumber persaingan bagi pedagang dari pelbagai negara.

Kayu manis, bunga lawang, kunyit, halia dan lengkuas yang digunakan sebagai perisa makanan dan bahan perubatan turut menerima permintaan daripada pedagang yang menjadikan kepulauan ini sebagai hab pengeksportan rempah ratus ke bahagian lain dunia sekitar kurun ke-16 M. Malah, kewujudan pelabuhan Kedah Tua di laluan perdagangan membolehkan pelabuhan ini memainkan peranan dan berfungsi sebagai pelabuhan untuk mengumpul dan mengagihkan semula ratusan komoditi rempah ratus dari pelbagai kawasan pengeluar di kepulauan ini.

Perdagangan rempah ratus mempunyai nilai ekonomi yang baik dan boleh dijual pada harga yang sangat tinggi di pasaran Eropah dan Timur Tengah kadangkala melebihi harga emas (Alfiyyatus et al., 2025). Keuntungan besar daripada perdagangan rempah ratus membolehkan Kedah Tua berkembang sebagai sebuah kerajaan yang makmur dan berkuasa. Walau bagaimanapun, perdagangan rempah ratus juga membawa risiko. Persaingan sengit antara pedagang dan kerajaan untuk mengawal perdagangan rempah ratus sering menyebabkan konflik dan peperangan.

Serangan oleh kerajaan Chola dari India Selatan pada kurun ke-11 M misalnya, berkemungkinan boleh dikaitkan dengan keinginan untuk mengawal perdagangan rempah ratus di Selat Melaka (Subhiksha & Jothimani, 2025). Perkara ini secara keseluruhannya memperlihatkan perdagangan rempah ratus merupakan faktor utama yang memacu perkembangan ekonomi pelabuhan entrepot di kepulauan ini, terutamanya menjelang kurun ke-16 M.

Oleh yang demikian adlah penting untuk membezakan antara tiga kategori bukti yang menyokong peranan Kedah Tua dalam perdagangan rempah iaitu i) bukti arkeologi langsung yang melibatkan interpretasi terhadap artifak fizikal yang ditemui di tapak ekskavasi seperti bekas seramik asing, struktur pelabuhan dan peralatan perdagangan; ii) sumber sejarah bertulis yang terdiri daripada catatan daripada pedagang China, India dan Arab yang menyebut Kedah Tua sebagai pelabuhan aktif; dan iii) inferens berdasarkan kedudukan geografi dan jaringan perdagangan serantau yang menunjukkan kemungkinan penglibatan Kedah Tua dalam perdagangan rempah. Pendekatan triangulasi ini membantu mengukuhkan ketepatan hujah berkaitan peranan Kedah Tua dalam perdagangan rempah walaupun bukti arkeologi langsung untuk komoditi rempah masih terhad dan memerlukan penyelidikan lanjutan.

Warisan Perdagangan Rempah kepada Identiti Nasional Malaysia

Warisan perdagangan rempah ratus Indonesia merupakan bahagian penting dalam identiti sejarah dan budaya orang Melayu, terutamanya di Malaysia. Walaupun peranan Kedah Tua telah merosot sebagai pelabuhan entrepot pada kurun ke-14 M (Nasha et al., 2019), warisannya terus hidup dan mempengaruhi perkembangan Malaysia sehingga ke hari ini. Pemahaman tentang warisan ini penting untuk membina identiti nasional yang kukuh dan kebanggaan terhadap sejarah bangsa.

Warisan perdagangan rempah Kedah Tua juga hidup dalam budaya Melayu kontemporari. Rempah-ratus yang diperdagangkan melalui pelabuhan Kedah Tua, seperti lada, cengkih, pala, kayu manis dan rempah ratus selainnya masih digunakan secara meluas dalam masakan Melayu (Hazman et al., 2024). Penggunaan rempah-ratus ini bukan sahaja memberikan rasa yang unik kepada masakan Melayu, tetapi juga menghubungkan masyarakat Melayu dengan warisan perdagangan rempah yang berlangsung ribuan tahun dahulu.

Pensejarahan Kedah Tua sebagai pelabuhan entrepot dengan adanya hubungan dengan pedagang asing (Mohd Hasfarisham et al., 2025a) dan kehebatan raja-raja Kedah Tua dalam mentadbir urus (Haslindawati et al., 2020) diangkat menjadi warisan bangsa yang istimewa di Malaysia. Naratif ini membantu

mengekalikan ingatan kolektif tentang warisan Kedah Tua dan menyampaikan nilai-nilai sejarah kepada generasi muda.

Selain itu, warisan Kedah Tua turut diperkukuhkan dalam sistem pendidikan sejarah di Malaysia. Sejarah Kedah Tua diajar di sekolah-sekolah sebagai sebahagian daripada kurikulum sejarah Malaysia memberikan pelajar pemahaman tentang sejarah maritim Malaysia dan peranan Malaysia dalam perdagangan global pada zaman purba. Malah sesi lawatan ke Lembah Bujang dan Muzium Arkeologi Lembah Bujang merupakan aktiviti pembelajaran luar bilik darjah/kuliah dipraktikkan (Mohd Amin et al., 2023) bagi pelajar sekolah dan universiti. Lawatan ini memberikan pengalaman pembelajaran yang praktikal dan membolehkan pelajar melihat sendiri bukti arkeologi terpelihara di Kedah secara terus.

Warisan Kedah Tua juga merupakan sumber kebanggaan nasional bagi rakyat Malaysia. Kejayaan Kedah Tua sebagai pelabuhan entrepot utama menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai sejarah yang gemilang dan telah memainkan peranan penting dalam sejarah global. Kebanggaan ini penting untuk membina identiti nasional yang kukuh dan rasa kepunyaan terhadap negara. Zuliskandar (2022) menekankan bahawa kearifan tempatan dalam sains dan teknologi yang dimiliki oleh kerajaan-kerajaan Melayu awal termasuk Kedah Tua merupakan warisan berharga yang perlu dihargai dan dibanggakan. Pengetahuan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang maju dalam pelbagai bidang dan boleh bersaing dengan tamadun-tamadun lain pada zaman itu.

Bagi mengukuhkan peranan warisan Kedah Tua dalam pembentukan identiti nasional beberapa contoh konkrit dapat dikemukakan. Pertamanya dari sudut pendidikan sejarah, Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Merbok, Kedah, berfungsi sebagai pusat pembelajaran luar bilik darjah yang mempamerkan artifak dan replika struktur pelabuhan zaman Kedah Tua, membolehkan pelajar menghayati warisan maritim secara langsung. Keduanya interpretasi warisan di Kompleks Arkeologi Sungai Batu yang merupakan tapak arkeologi tertua di Asia Tenggara telah menawarkan naratif sejarah yang menghubungkan tamadun Melayu awal dengan jaringan perdagangan antarabangsa. Ketiga, pembentukan naratif ketamadunan Melayu awal melalui penerbitan akademik, dokumentari dan pameran warisan membantu memperkukuh kebanggaan nasional serta kesedaran generasi muda tentang kepentingan warisan maritim Kedah Tua dalam konteks sejarah Asia Tenggara. Kesemua factor ini membantu dalam proses pembinaan jati diri masyarakat Malaysia khasnya bagi golongan muda.

Implikasi kepada Ekonomi Komuniti Kontemporari

Warisan perdagangan Kedah Tua mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada ekonomi komuniti kontemporari terutamanya melalui pelancongan warisan, ekonomi kreatif dan pembangunan identiti jenama Malaysia. Namun potensi ini belum dieksploitasi sepenuhnya dan terdapat keperluan untuk strategi yang lebih komprehensif untuk memanfaatkan warisan ini bagi pembangunan ekonomi negara.

Pelancongan warisan merupakan salah satu sektor yang paling berpotensi untuk memanfaatkan warisan Kedah Tua. Mohd Hasfarisham & Mokhtar (2026) menekankan bahawa bukti arkeologi di Lembah Bujang mempunyai potensi besar sebagai tarikan pelancongan ikonik. Dengan pembangunan infrastruktur yang sesuai, promosi yang berkesan dan pengurusan yang baik Lembah Bujang boleh menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa.

Pelancongan warisan bukan sahaja menjana pendapatan melalui aliran tunai masuk tetapi juga melalui perbelanjaan pelancong untuk penginapan, makanan, pengangkutan dan cenderamata. Pelancongan warisan juga mewujudkan peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan sebagai pemandu pelancong,

pengusaha inap desa, penjual cenderamata dan penyedia perkhidmatan lain yang kesemuanya akan memakmurkan ekonomi komuniti.

Selain itu, warisan Kedah Tua juga boleh menyumbang kepada ekonomi kreatif Malaysia. Naratif dan pensejarahan Kedah Tua boleh dijadikan inspirasi untuk karya seni, filem, drama novel dan produk kreatif lain. Produk-produk ini bukan sahaja menjana pendapatan, tetapi juga mempromosikan warisan Kedah Tua kepada khalayak yang lebih luas. Industri kraftangan juga boleh memanfaatkan warisan Kedah Tua dengan menghasilkan cenderamata dan produk kraftangan daripada komuniti setempat yang bertemakan Kedah Tua dan perdagangan rempah. Produk-produk ini boleh dijual kepada pelancong dan juga di pasaran domestik dan antarabangsa.

Warisan perdagangan Kedah Tua juga boleh digunakan untuk membina identiti jenama Malaysia sebagai negara yang mempunyai sejarah maritim yang gemilang dan peranan penting dalam perdagangan global. Identiti jenama ini boleh digunakan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan, pusat perdagangan dan negara yang kaya dengan warisan budaya. Konsep “Kedah hub perdagangan dunia” atau “jalur rempah nusantara” boleh dibangunkan sebagai jenama pelancongan serantau yang menghubungkan Malaysia dengan negara-negara lain di Nusantara yang mempunyai warisan perdagangan yang serupa. Kerjasama serantau dalam mempromosikan jalur rempah Nusantara boleh menarik lebih ramai pelancong antarabangsa dan meningkatkan kesedaran tentang warisan maritim Nusantara. Manfaatnya bukan setakat dinikmati dengan perkembangan ekonomi di Malaysia secara amnya tetapi yang lebih penting ia mampu membuka peluang kepada komuniti untuk menonjol dan memperkembangkan produk dan perusaharaan yang diusahakan oleh komuniti apabila berlakunya peningkatan jumlah kedatangan pelancong.

Antara contoh semasa yang relevan ialah pembangunan pelancongan warisan di Lembah Bujang yang kini sedang dipromosikan sebagai destinasi ekopelancongan dan pelancongan budaya oleh Tourism Kedah dan Jerai Geopark secara aktif. Kompleks Arkeologi Sungai Batu yang mula dibuka kepada orang awam berpotensi menjadi tarikan pelancongan bertaraf antarabangsa yang mampu menjana pendapatan komuniti setempat. Selain itu, inisiatif komuniti seperti program Homestay Warisan Kedah dan dengan penubuhan NGO dan sukarela pelancongan seperti Persatuan AncKed Sungai Batu, Ancient Kedah Heritage Resource, Bakau Hijau, Laman Bidasari, PakSu Tiram Sungai Merbok dan Komuniti Kampung Pengkalan Bujang yang menggabungkan pengalaman pelancongan dengan aktiviti hands-on dan demonstrasi kraftangan dan masakan tradisional berasaskan rempah turut menunjukkan potensi nyata warisan Kedah Tua dalam memacu ekonomi komuniti. Kajian keberkesanan dan penilaian impak ekonomi lanjutan diperlukan bagi mengoptimumkan strategi pemanfaatan warisan ini secara mampan dan inklusif.

Industri Herba Kontemporari dan Manfaat Komuniti

Malaysia mempunyai kekayaan biodiversiti yang luar biasa dengan lebih daripada 1,300 spesies tumbuhan ubatan yang telah direkodkan menjadikan negara ini salah satu hab herba yang berpotensi di rantau Asia Tenggara (Ravi, 2026). Industri herba Malaysia merangkumi pelbagai aktiviti ekonomi, termasuk penanaman, pemprosesan, penapisan dan pemasaran produk berasaskan herba termasuk ubat tradisional, makanan kesihatan, kosmetik dan produk penjagaan diri. Amalan perubatan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat berbilang kaum di Malaysia termasuk perubatan Melayu, Cina, India dan peribumi telah membentuk asas yang kukuh untuk pembangunan industri herba moden (Park et al., 2022).

Kepentingan strategik industri herba telah diiktiraf oleh kerajaan Malaysia melalui pelbagai pelan pembangunan negara. Sektor ini dikenal pasti sebagai salah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi (Ahmad & Othman, 2013). Kes ini dibuktikan lagi melalui

penubuhan enam jawatankuasa di bawah Majlis Pembangunan Herba Negara dalam usaha untuk mengharmonikan dan menambah baik setiap rantaian nilai industri herba dari segi pendapatan produk dan juga sektor pemasaran (Anonymous, 2011) bagi memastikan industri herba dapat berkembang pesat.

Ini kerana industri herba global dijangka meningkat sehingga mencapai nilai USD 5 trilion menjelang 2050 dan Malaysia menyasarkan untuk menguasai sebahagian besar pasaran melalui pembangunan produk herba berkualiti tinggi yang mematuhi piawaian antarabangsa (Abd Rahman et al., 2017). Bagi mencapai sasaran ini, konsep rantaian nilai diaplikasikan (Catteneo, 2023) yang secara amnya merujuk kepada satu siri aktiviti yang menambah nilai kepada sesuatu produk daripada peringkat bahan mentah hingga produk akhir sampai ke tangan pengguna. Dalam konteks industri herba, rantaian nilai merangkumi lima peringkat utama iaitu i) pembekal bahan tumbuhan (PMS), ii) penanam/penanam, iii) pengeluaran/pemproses, iv) pemborong, dan v) peruncit (Abd Rahman et al., 2017).

Penjajaran yang berkesan di sepanjang rantaian nilai adalah penting untuk memastikan kualiti produk, kecekapan operasi dan daya saing pasaran. Satu kajian komprehensif yang melibatkan 6,545 pemain industri herba di Semenanjung Malaysia mendapati bahawa kekurangan penjajaran dan integrasi antara peringkat rantaian nilai merupakan halangan utama kepada pembangunan industri yang berdaya maju (Abd Rahman et al., 2017). Ketiadaan pangkalan data yang teratur dan aliran maklumat yang lemah antara pemain rantaian nilai telah mengakibatkan ketidakcekapan, pembaziran sumber dan kehilangan peluang pasaran (Abd Rahman et al., 2017) dan ini sedikit sebanyak mengganggu perkembangan pembangunan herba di Malaysia.

Industri herba menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Kajian menunjukkan bahawa 93% pekerja dalam industri herba adalah penduduk tempatan, mencerminkan sumbangan industri kepada pekerjaan tempatan. Pekerjaan yang diwujudkan merangkumi pelbagai kemahiran, daripada kerja ladang, pemprosesan, pembungkusan, pemasaran hingga pengurusan.

Maka tidak hairanlah industri herba ini mampu menyediakan peluang keusahawanan yang penting, terutamanya untuk masyarakat luar bandar. Satu kajian tentang penglibatan orang Melayu luar bandar dalam keusahawanan herba Malaysia menunjukkan bahawa walaupun terdapat peningkatan secara beransur-ansur dalam bilangan usahawan Melayu penglibatan dalam keusahawanan berasaskan teknologi masih rendah (Paul et al., 2013). Cabaran utama yang dihadapi termasuk kekurangan modal kewangan, pengetahuan teknikal dan modal insan.

Nilai rangkaian sosial telah dikenal pasti sebagai faktor penting dalam pembangunan keusahawanan herba Melayu luar bandar. Rangkaian sosial membantu usahawan mendapatkan akses kepada maklumat, sumber dan peluang pasaran (Paul et al., 2014). Ini menunjukkan kepentingan membina ekosistem keusahawanan yang menyokong melalui rangkaian, mentor dan platform perkongsian pengetahuan. Satu perkara yang menarik mengenai industri herba di Malaysia ialah jika diperhatikan golongan wanita juga memainkan peranan penting iaitu bermula daripada proses penanaman, pemprosesan hingga pemasaran produk. Kajian kes ini menunjukkan kemampuan kerana wanita tidak dipinggirkan dalam usaha memperkukuh ekonomi keluarga.

Perkara ini juga menunjukkan industri herba menyediakan peluang pendapatan fleksibel yang sesuai dengan tanggungjawab domestik wanita membolehkan mereka menyumbang kepada pendapatan keluarga sambil mengekalkan peranan tradisional (Foo et al., 2016). Pembangunan produk herba telah dikenal pasti sebagai strategi untuk meningkatkan pemerdayaan ekonomi luar bandar terutamanya melalui kumpulan

petani wanita. Program pembangunan komuniti yang melibatkan pembuatan produk herba telah menunjukkan kejayaan dalam meningkatkan pendapatan dan kemahiran wanita luar bandar.

Di samping itu, penglibatan belia dalam industri herba adalah penting untuk kejayaan jangka panjang industri ini. Walau bagaimanapun kajian menunjukkan bahawa kepimpinan orang muda Melayu luar bandar dalam keusahawanan herba adalah terhad dengan kebanyakan perniagaan herba dikendalikan oleh ahli keluarga yang lebih tua (Paul et al., 2015a). Ini mengakibatkan pertumbuhan keusahawanan yang perlahan dan terhad. Untuk meningkatkan penglibatan belia, kajian mencadangkan peningkatan modal insan dan kewangan, pengetahuan teknikal dan dasar kerajaan yang menyokong (Paul et al., 2015b). Program latihan dan pendidikan khusus untuk belia, akses kepada pembiayaan dan mentor adalah penting untuk menarik belia kepada industri herba.

Industri herba menyumbang kepada pembangunan komuniti luar bandar yang lebih luas melalui penambahbaikan dalam infrastruktur, perkhidmatan dan kualiti hidup. Inisiatif pertanian yang dipimpin oleh komuniti di Malaysia, seperti yang dilaksanakan oleh APPGM-SDG, menunjukkan bagaimana pertanian lestari termasuk penanaman herba boleh menyumbang kepada pembangunan komuniti dan pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari (Dumpangol, 2024) seperti mana yang digariskan oleh UNESCO.

Kesinambungan warisan penggunaan rempah dan herba yang bermula sejak era Kedah Tua diperkukuhkan dalam industri herba kontemporari Malaysia. Pengetahuan tradisional tentang tumbuhan ubatan dan rempah ratus yang diperdagangkan melalui pelabuhan Kedah Tua telah diwarisi turun-temurun dan kini menjadi asas kepada pembangunan produk warisan bernilai tinggi. Potensi ini dapat dimanfaatkan melalui pembangunan produk warisan berasaskan rempah dengan jenama 'Kedah Tua', yang menggabungkan nilai sejarah dengan produk herba kontemporari, sekali gus membuka peluang keusahawanan baharu kepada komuniti tempatan yang berteraskan warisan budaya.

Pengaplikasian Warisan Kedah Tua Kepada Pemerkaasan Sejarah

Berdasarkan kepada fakta berkenaan beberapa aplikasi penting berkaitan warisan sejarah perdagangan rempah Kedah Tua dalam konteks pembangunan sistem pendidikan pensejarahan Malaysia dapat diklasifikasikan. Pertama, pelancongan warisan di Lembah Bujang berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan budaya yang menarik, memanfaatkan tapak arkeologi, muzium dan naratif sejarah perdagangan maritim untuk menarik pelancong domestik dan antarabangsa (Mazlan et al., 2025). Kedua, pendidikan sejarah melalui integrasi sejarah Kedah Tua dalam kurikulum sekolah dapat memperkukuh pemahaman pelajar tentang warisan maritim Malaysia dan peranan penting Nusantara dalam perdagangan global. Kesemuanya akan mengukuhkan nilai jati diri pada generasi kini dan menjadikan generasi kini cakna dengan bahan warisan.

Pembangunan ekonomi melalui pembangunan produk kreatif seperti dokumentari, filem, permainan digital dan seni visual yang bertemakan Kedah Tua dan perdagangan rempah dapat menjana nilai ekonomi sambil memelihara warisan budaya. Perkara ini mampu menjadi ejen promosi berkenaan untuk memastikan warisan Kedah Tua terus dikekalkan. Selain itu, identiti jenama Malaysia dapat diperkukuh dengan menonjolkan warisan maritim Kedah Tua sebagai sebahagian daripada naratif kebangsaan yang membezakan Malaysia dalam pelancongan dan diplomasi budaya global (Mazlan et al., 2025). Bagi memastikan perkara ini dapat dicapai, maka kerjasama erat antara pemegang taruh dan komuniti setempat adalah kunci kepada kejayaan pemerkaasannya.

Selain itu juga industri herba kontemporari dapat diperkembangkan dengan memanfaatkan pengetahuan tradisional tentang rempah ratus dan tumbuhan ubatan yang telah lama diperdagangkan melalui pelabuhan Kedah Tua dengan mewujudkan peluang keusahawanan untuk komuniti tempatan. Perkara ini pastinya akan memperkukuhkan pemerkasaan komuniti melalui industri rempah ratus dan dapat meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan dengan menghubungkan warisan sejarah dengan aktiviti ekonomi mampan seperti penanaman, pemprosesan dan pemasaran produk berasaskan rempah.

Dalam konteks sejarah gunaan, warisan Kedah Tua menawarkan peluang yang signifikan untuk diaplikasikan dalam pelbagai dimensi pembangunan kontemporari. Dari sudut pelancongan warisan, pembangunan 'Laluan Rempah Kedah Tua' sebagai produk pelancongan tematik yang menghubungkan tapak arkeologi Lembah Bujang, Kompleks Arkeologi Sungai Batu dan kawasan pertanian herba tempatan berpotensi menarik pelancong domestik dan antarabangsa. Dari sudut ekonomi kreatif, penghasilan konten digital, permainan video bertemakan Kedah Tua dan filem dokumentari dalam platform streaming antarabangsa dapat memperluas jangkauan warisan ini kepada generasi muda global. Dari sudut pendidikan warisan, program kurikulum berasaskan tapak (*site-based curriculum*) yang mengintegrasikan lawatan arkeologi dengan pembelajaran sains, sejarah dan keusahawanan dapat memperkukuh literasi warisan dalam kalangan pelajar. Akhirnya, pendigitalan warisan melalui pembinaan pangkalan data arkeologi digital, rekonstruksi 3D tapak bersejarah dan arkib digital sumber sejarah Kedah Tua perlu dipercepatkan bagi memastikan warisan ini dapat diakses dan dikaji oleh generasi akan datang.

PERBINCANGAN

Dunia Melayu yang merangkumi kepulauan Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu telah lama dikenali sebagai pengeluar seratus rempah terbaik di dunia. Kekayaan alam ini telah menarik pedagang dari pelbagai pelosok dunia sejak zaman dahulu, membentuk rangkaian perdagangan maritim yang kompleks dan dinamik. Perdagangan rempah bukan sekadar aktiviti ekonomi tetapi juga medium penyebaran agama, budaya dan teknologi yang membentuk identiti Alam Melayu (Hamid, 2022).

Selepas era penjajahan, industri rempah di Malaysia dan alam Melayu mengalami transformasi yang ketara. Daripada sistem monopoli penjajah, industri ini beralih kepada model yang lebih berorientasikan pasaran bebas dan melibatkan penglibatan masyarakat tempatan. Walau bagaimanapun, legasi penjajahan masih meninggalkan kesan dalam bentuk struktur ekonomi yang tidak seimbang dan kawalan rantai nilai oleh pihak luar.

Dalam konteks kontemporari, industri rempah di Malaysia dan alam Melayu menghadapi cabaran dan peluang baharu. Globalisasi, perubahan iklim dan transformasi digital telah mengubah landskap industri ini. Oleh itu dengan memperkasakan masyarakat tempatan dalam industri rempah adalah penting untuk memastikan kemampanan ekonomi dan sosial (Entebang et al., 2020). Dalam konteks Malaysia, industri rempah ratus seperti lada hitam dan seumpamanya telah menjadi komoditi yang diberi tumpuan untuk meningkatkan pendapatan negara (Entebang et al., 2021) dan pada masa hadapan diharapkan ianya mampu membangunkan pendapatan komuniti yang terlibat.

Ini dibuktikan dengan wujudnya program pemerkasaan komuniti yang direka bentuk dengan baik dan telah mula memberi impak positif yang ketara dalam sektor penanaman rempah ratus dan herba terutamanya di Malaysia. Daripada perspektif ekonomi, peningkatan pendapatan isi rumah petani menunjukkan potensi transformatif pemerkasaannya (Entebang et al., 2021).

Daripada perspektif sosial pula, program pemeraksanaan yang dijalankan dapat mengukuhkan integrasi komuniti, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta membuka peluang pekerjaan untuk komuniti tempatan (Anwar et al., 2024). Pemeraksanaan komuniti melalui penanaman produk halia di Bentong, Pahang (Senadjki et al., 2025) misalnya menunjukkan bagaimana program yang disasarkan boleh membuka peluang perniagaan alternatif untuk komuniti sebaik sahaja ia dibangunkan dengan berkesan.

Industri rempah ratus telah menjadi instrumen pemeraksanaan komuniti melalui model berasaskan aset, perkongsian korporat dan program pendidikan. Strategi ini melibatkan amalan, teknologi lepas tuai, inovasi produk dan pemasaran digital. Banyak kajian dari Indonesia secara jelas menunjukkan peningkatan pendapatan, kemahiran dan peluang perniagaan (Kamaruddin et al., 2024) tetapi contoh khusus Malaysia dalam bidang ini masih belum meluas. Oleh itu, Malaysia perlu memanfaatkan pengalaman Indonesia dan mengaplikasikannya di Malaysia supaya pertanian rempah ratus/herba menjadi peluang yang sangat berkesan untuk membangunkan ekonomi komuniti setempat secara lebih konprehensif.

KESIMPULAN

Kajian ini mengkaji kepentingan sejarah Kedah Tua dalam perdagangan rempah ratus di Kepulauan Melayu melalui bukti arkeologi dan catatan sejarah serta menonjolkan sumbangannya kepada warisan budaya dan ekonomi Malaysia. Ia menggariskan peranan penting Kedah Tua sebagai pelabuhan entrepot dari abad ke-6 SM hingga abad ke-14 Masihi dan bertindak sebagai hab yang menghubungkan rangkaian perdagangan antara India, China, Arab dan Kepulauan. Lokasi strategik Kedah Tua di Selat Melaka dan Teluk Bengal, bersama-sama dengan sistem sungai di Lembah Bujang telah meningkatkan statusnya sebagai pelabuhan perdagangan yang penting. Perdagangan rempah ratus terutamanya barangan seperti lada, cengkih, buah pala dan kayu manis merupakan teras kepada ekonomi, terutamanya pada abad ke-16 M. Rempah-rempah ini sangat diminati di seluruh dunia untuk kegunaan masakan, perubatan dan pengawetan. Kedah Tua berfungsi sebagai titik utama perdagangan di sepanjang laluan rempah yang menghubungkan pengeluar dengan pasaran di India, China, Timur Tengah dan Eropah di samping terlibat dalam perdagangan komoditi selainnya. Walaupun peranan Kedah Tua sebagai pelabuhan entreport telah sirna legasinya kekal penting yang melambangkan pencapaian sejarah tamadun Melayu. Lembah Bujang diiktiraf sebagai tapak warisan negara, dengan usaha sedang dijalankan untuk memelihara kepentingan sejarahnya. Kesan budaya perdagangan rempah ratus berterusan dalam masyarakat Melayu kontemporari melalui pemeraksanaan pertanian rempah selain merangkumi penggunaan rempah ratus dalam hidangan tradisional yang diturunkan dari generasi ke generasi yang meraikan sejarah perdagangan rantau ini yang kaya komoditi berkenaan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada bidang historiografi maritim Melayu dengan mengemukakan analisis bersepadu yang menghubungkan warisan perdagangan rempah Kedah Tua dengan implikasi kontemporarinya. Dari sudut pengurusan warisan, kajian ini mencadangkan agar tapak arkeologi Lembah Bujang dan Kompleks Arkeologi Sungai Batu dibangunkan secara strategik sebagai aset warisan kebangsaan yang bukan sahaja memelihara sejarah, tetapi juga memacu ekonomi komuniti setempat melalui pelancongan warisan yang mampan. Dari sudut pembangunan komuniti, potensi industri herba dan rempah berasaskan warisan Kedah Tua perlu dieksplotasi melalui program keusahawanan komuniti yang terancang dan disokong oleh dasar kerajaan yang sesuai. Bagi penyelidikan masa hadapan, kajian lapangan arkeologi yang lebih intensif di kawasan Lembah Bujang dan Sungai Batu diperlukan untuk mendapatkan bukti langsung berkaitan perdagangan rempah. Selain itu, kajian impak ekonomi pelancongan warisan Kedah Tua, kajian perbandingan dengan tapak warisan maritim serantau serta kajian etnografi tentang

pengetahuan tradisional rempah dalam komuniti tempatan merupakan bidang penyelidikan yang perlu dan boleh diberi keutamaan pada masa hadapan untuk dimantapkan datanya.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada penasihat Persatuan AncKed Sungai Batu, Ancient Kedah Heritage dan Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, kerana menyediakan semua kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan penyelidikan ini dengan jayanya. Penyelidikan ini tidak menerima geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENGARANG

Mazlan Mahmud & Mohd Hasfarisham Abd Halim: Metodologi, analisis data, penulisan-penyediaan draf asal; Mokhtar Saidin; penulisan-semakan dan penyuntingan.

Semua penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang dibentangkan dalam kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis yang berkaitan.

RUJUKAN

- Abbas, I. (2022). The Spices Trade Route in Mollucas in the XVI and XVII Centuries. *International Journal of Education and Social Science Research (IJESSR)*, 5(5): 105-116.
- Abd Rahman, R., Siti Zubaidah S., Ariff Fahmi A.B., Nik Zanariah N.M., Lim Hin Fui, Mansor M., Roda J.M., Mohd Shahidan M.A., Koter R., Kar Yong Pin, & Azah, M.A.N. (2017). *Socio-Economic Background of Herbal Industry in Peninsular Malaysia*. Kepong: FRIM, 217 p. ISBN 978-967-0622-91-0.
- Abdul Rahman Ismail (2015). The Northern Region of Peninsular Malaysia: Historical Heritage and National Identity. *Kajian Malaysia*, 33(sup. 2): 1-25.
- Abdul Razzaq, Sari Lestari Zainal Ridho & Asmuni (2017). The Kingdom of Srivijaya in the Development of Islamic Civilization and the Economy in Nusantara Before 1500 AD. *Journal of Malay Islamic Studies*, 1(1): 39-52. <https://doi.org/10.19109/jmis.v1i1.3790>
- Adnan Jusoh (2016). Zaman Pra-Islam di Kedah Berdasarkan Bukti Arkeologi. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8(1): 106-117.

- Ahmad Jelani Halimi (2020). Penguasaan Maritim dan Aktiviti Perdagangan Antarabangsa Kerajaan-Kerajaan Melayu. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 1(1): 17-29. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2020.23>.
- Ahmad, S. & Othman, N. (2013). Strategic Planning, Issues, Prospects and the Future of the Malaysian Herbal Industry. *International Journal of Academic Research in Accounting Finance and Management Sciences*. 3(4): 119-132.
- Aisyah Syafiera (2016). Perdagangan di Nusantara Abad Ke-16. *Avatara: Jurnal Pendidikan Sejarah*, 4(3): 721-735.
- Alfiyyatus Sadiida, Ulfah Hamidah & Laila Nur Kusuma (2025). Perdagangan Rempah dan Penyebaran Islam: Analisis Peran Pedagang Muslim di Nusantara Abad Ke-16. *Jurnal Bima Pusat Publikasi Ilmu Pendidikan bahasa dan Sastra*, 3(4): 48-61. <https://doi.org/10.61132/bima.v3i4.2535>
- Anonymous (2011). Enam Jawatankuasa Ditubuh untuk Selaras Pembangunan Herba. *mStar*, July 14, 2011.
- Anwar, G., Bustamam, H., Kasrina, K., Oktoyoki, H. & Senoaji, G. (2024). Empowering Women in Lunjuk Village through the Creation of MSMEs Ginger Products. *Abdimas: Jurnal Pengabdian Masyarakat Universitas Merdeka Malang*, 9(1): 103-113. <https://doi.org/10.26905/abdimas.v9i1.12229>.
- Aprilia, M. (2024). Dunia Melayu di Bawah Kekuasaan Kolonial. *Hadharah Jurnal Keislaman dan Peradaban*, 18(1):15-25. <https://doi.org/10.15548/h.v18i1.9499>.
- Averbuch, B. (2022). The Spice Trade in Southeast Asia. In David, L. (ed.), *Oxford Research Encyclopedia of Asian History* (New York, NY, Oxford Academic. <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780190277727.013.547>.
- Berkat, I.S. & Seniwati (2024). Diplomasi Maritim ‘Rempah’ di Nusantara: Perjalanan dari Maluku Sampai ke Pelabuhan Malaka. *Journal of Creative Student Research*, 2(6): 71–84. <https://doi.org/10.55606/jcsr-politama.v2i6.4571>.
- Cattaneo, C. (2023). Value Chain Management. In: Idowu, S.O., Schmidpeter, R., Capaldi, N., Zu, L., Del Baldo, M. & Abreu, R. (eds). *Encyclopedia of Sustainable Management*. Springer, Cham, 3901-3912. https://doi.org/10.1007/978-3-031-25984-5_851.
- Dasanayake, R. (2016). Cinnamon: A Spice of an Indigenous Origin- Historical Study. *Narrations*, 1(2): 46-58. ISBN 2478-0642.
- Denissa, L. (2022). Pala dan Cengkeh di antara Jejak Sejarah, Batik dan Identitas. *Humanitas (Jurnal Psikologi)*, 6(1): 63-80. <https://doi.org/10.28932/humanitas.v6i1.4561>.
- Ducène, J.C. (2024). Medieval Spice Trade in the Arabic World. In: Goldstein, D. (ed). *Oxford Research Encyclopedia of Food Studies*, Oxrord Academic, 17. <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780197762530.013.38>.
- Dunpangol, D.C.U. (2024). Cultivating Sustainable Futures: Community-Led Farming Initiatives in Malaysia by APPGM-SDG. *Journal of the Malaysian Parliament*, 4: 325-343. <https://doi.org/10.54313/journalmp.v4i.131>.
- Entebang, H., Wong, S.K. & Jarroop Zehnder, A.M. (2020). Development and Performance of the Pepper Industry in Malaysia: A Critical Review. *International Journal of Business and Society*, 20(3):1402-1423. <https://doi.org/10.33736/ijbs.3361.2020>.
- Fauziah Fathil, Wan Norizzati Wan Fazli, Mohamad Firdaus Mansor Majdin, Rahmah Ahmad Osman, Md Salleh Yaapar & Saleh Alzeheimi (2022). The Trans-Indianica Maritime Networks and its Impacts on Malay Civilization: Revisiting the History of Kedah Kingdom. *International Journal of Early Childhood Special Education*, 14(3): 2336-2343. <https://doi.org/10.9756/int-jecse/v14i3.277>
- Foo, J., Latiff, A., Omar, M. & Amir, A.A. (2016). Women's Perception on Medicinal Plants in Traditional Tamu, West Coast, Sabah, Malaysia. *Malayan Nature Journal*, 68(3): 95-104.

- Gin, O.K. (2022). 'Bridge' to 'Fence' a Maritime History of the Straits of Malacca. *Journal of Maritime Studies and National Integration*, 6(1): 1-19. <https://doi.org/10.14710/jmsni.v5i2.9443>
- Hall, K.R. (1985). The Opening of the Malay World to European Trade in the Sixteenth Century. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 58(2): 85-106.
- Hall, K.R. (2017). Maritime Trade and Societal Transitions in the Western Indonesian Archipelago: Samudra-Pasai at the Dawn of the European Age (c. 1200-1500). *Asian Review of World Histories*, 5(1): 31-68. <http://dx.doi.org/10.12773/arwh.2017.5.1.031>
- Hamid, A.R. (2022). Jalur Rampah dan Islamisasi Nusantara: Jaringan Samudera Pasai abad XIII – XVI. *Jurnal Masyarakat dan Budaya*, 23(3): 269-282. <https://doi.org/10.14203/jmb.v23i3.1065>
- Haslindawati Saari, Azmah Abdul Manaf & Norizan Kadir (2020). Pentadbiran Negeri Kedah Berdasarkan Surat Raja-Raja, 1882-1911. *Sejarah: Journal of History Department*, 29(1): 18-40. ISSN: 1985-0611.
- Hazman Hassan, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, Juliana Ahmad & Mohd Nazim Mohd Noor (2024). Mencari Jati Diri Makanan Melayu Perlis: Suatu Catatan Awal. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 8(1): 1-10. ISSN: 2590-4310.
- Hoogervorst, T. (2021). Commercial Networks Connecting Southeast Asia with the Indian Ocean. In David, L. (ed.), *Oxford Research Encyclopedia of Asian History*, New York, Oxford Academic, 15p. <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780190277727.013.541>
- Hsieh, E. & Sakai, T. (2023). A Thousand Years of Connections between the Indian Ocean Region and Southeast Asia. In: Haines, J.J. & Hauser, M.W. eds). *The Archaeology of Modern Worlds in the Indian Ocean*. Gainesville: University Press of Florida. <https://muse.jhu.edu/book/111423>.
- Ibrahim Bakar (2020). *Peringatan Raja-Raja Kedah*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 1-154. ISBN: 978-983-43275-9-0.
- Jacq-Hergoualc'h, M. (1992). Un Exemple de Civilisation de Ports-Entrepôts des Mers du Sud: le Sud Kedah (Malaysia) Ve-XIVe siècles. *Arts Asiatiques*, 47, 40-48. <https://doi.org/10.3406/ARASI.1992.1320>
- Josefin Manalu, Nada Azhari, Rika Hayani, Rina Sari Batubara & Meiman Pratama Harefa (2025). Analisis Faktor Pendorong Penjelajahan Samudra Bangsa Eropa Abad Ke-15–17 serta Dampaknya Terhadap Perdagangan di Nusantara. *JERUMI: Journal of Education Religion Humanities and Multidiciplinary*, 3(2): 1325-1333. <https://doi.org/10.57235/jerumi.v3i2.7671>
- Keay, J. (2006). *The Spice Route: A History*. John Murray, 286p. ISBN: 071956199X.
- Lapian, A.B. (2023). Wilayah Maluku dalam Konteks Perdagangan Internasional. *Kalpataru Majalah Arkeologi*, 22(1): 7-16. <https://doi.org/10.24832/KPT.V22I1.106>
- Manguin, P.Y. (2021). Srivijaya: Trade and Connectivity in the Pre-modern Malay World. *Journal of Urban Archaeology*, 3: 87-100. <https://doi.org/10.1484/J.JUA.5.123677>
- Mohd Amin Ali, Mohd Hasfarisham Abd Halim, Shyeh Sahibul Karamah Masnan, Mokhtar Saidin & Suresh Narayanan (2023). Geoarchaeosites for Heritage Tourism Product of Kuala Muda District, Kedah, Malaysia. *Geojournal of Tourism and Geosites*, 1(46): 63-70. <http://doi.org/10.30892/gtg.46107-1001>
- Md. Salleh Yaapar. (2019). Malay Navigation and Maritime Trade: A Journey through Anthropology and History. *IIUM Journal of Religion and Civilisational Studies*, 2(1), 73-81. <https://doi.org/10.31436/ijrcs.v2i1.61>
- Mohd Hasfarisham Abd Halim & Mokhtar Saidin (2025a). Architecture of the Ancient Port Management SB2G Site at Sungai Batu Archaeological Complex (SBAC), Bujang Valley, Kedah, Malaysia. *Journal of Maritime Archaeology*, 1-19. <https://doi.org/10.1007/s11457-025-09468-0>

- Mohd Hasfarisham Abd Halim & Mokhtar Saidin (2025b). Ancient Kedah Kingdom: Interpretations Based on Archaeological Studies. *Herança – History, Heritage and Culture Journal*, 8(1): 1-19. <https://doi.org/10.52152/heranca.v8i1.984>
- Mohd Hasfarisham Abd Halim & Mokhtar Saidin (2026). Ancient Kedah as an Early Maritime Kingdom in Southeast Asia: A Case Study at the SB1H River Jetty Site, Sungai Batu Archaeological Complex, Bujang Valley, Kedah, Malaysia. *Journal of Maritime Archaeology*, 21: 1-30. <https://doi.org/10.1007/s11457-026-09517-2>
- Mohd Hasfarisham Abd Halim, Iklil Izzati Zakaria, Shyeh Sahibul Karamah Masnan, Shaiful Shahidan & Mokhtar Saidin (2025a). Revisiting the 2,600-Year-Old Ancient Kedah River Jetty Site of Sungai Batu Archaeological Complex, Bujang Valley, Kedah, Malaysia. *International Journal of Nautical Archaeology*, 1-29. <https://doi.org/10.1080/10572414.2025.2450784>
- Mohd Hasfarisham Abd Halim, Naizatul Akma Mohd Mokhtar, Shyeh Sahibul Karamah Masnan & Mokhtar Saidin (2025b). New Evidence of Ancient Kedah Iron Smelting Sites at Sungai Batu Archaeological Complex (SBAC), Bujang Valley, Kedah, Malaysia. *L'Anthropologies (France)*, 129(1): 103342. <https://doi.org/10.1016/j.anthro.2024.103342>
- Mohd Hasfarisham Abd Halim, Shyeh Sahibul Karamah Masnan & Mokhtar Saidin (2025c). Sungai Batu Archaeological Complex (SBAC), Kedah, Malaysia as a Sustainable Heritage Tourism Product. *Built Heritage*, 9(4): 1-20. <https://doi.org/10.1186/s43238-024-00171-y>
- Mohd Hasfarisham Abd Halim & Mokhtar Saidin (2026). The Process of Developing Sungai Batu Archaeological Complex (SBAC) Sites as Heritage Tourism Products in Kedah, Malaysia. *Built Heritage*, 10(2). <https://doi.org/10.1186/s43238-025-00239-3>
- Morgan, S.L. (2024). Southeast Asia, China, and the 'maritime Silk Roads', c.900–1650. In: Henderson, J., Morgan, S.L. & Salonia, M. (eds). *Reimagining the Silk Roads*, Routledge, 265-278. <https://doi.org/10.4324/9781003348702-23>
- Murphy, S.A. (2017). Revisiting the Bujang Valley: A Southeast Asian Entrepôt Complex on the Maritime Trade Route. *Journal of the Royal Asiatic Society*, 28(2): 1-35. <https://doi.org/10.1017/S1356186317000505>
- Naizatul Akma, M.M., Nordiana, M.M., Mokhtar, S., Rosli, S., Shyeh Sahibul Karamah, M., Nur Azwin, I., Andy Anderson, B., Teoh Ying, J., Sarmiza, S., Muhamad Taquiuddin, Z., Norshidah, Y., Norhidayahti, M.M. & Noer el Hidayah, I. (2022). Geophysical Approach to Identifying Ancient Iron at Sungai Batu, Bujang Valley, Kedah, Malaysia. *Acta Geodynamica et Geomaterialia*, 19(3): 201-217. <https://doi.org/10.13168/AGG.2022.0008>
- Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun & Mokhtar Saidin (2017). Kedah Tua: Satu Cerakinan Sumber India. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 30(2): 11-19. ISSN: 0128-0732.
- Nasha Rodziadi Khaw, Shaiful Shahidan, Nazarudin Zainun & Mokhtar Saidin (2019). (2019). The Post-14th Century Ancient Kedah: A Port In Decline?. In N. S. Mat Akhir, J. Sulong, M. A. Wan Harun, S. Muhammad, A. L. Wei Lin, N. F. Low Abdullah, & M. Pourya Asl (Eds.), *Role(s) and Relevance of Humanities for Sustainable Development*, 68. *European Proceedings of Social and Behavioural Sciences*, (pp. 25-34). Future Academy. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2019.09.3>
- Noor Syahidah Mohamad Akhir, Syaimak Ismail, Aemy Aziz & Muhammad Saiful Islam Ismail, (2022). Kedah Tua sebagai Pelabuhan Kuno Perdagangan Antarabangsa Antara Abad ke-2M sehingga 13M: Lambang Ketamadunan Bangsa Melayu. *Jurnal Melayu*, 21(2): 115-132. ISSN 1675-7513.
- Nordin Hussin (2008). Geografi dan Perdagangan: Kepentingan Selat Melaka kepada Perdagangan Dunia, Asia dan Dunia Melayu 1700-1800. *Akademika*, 73: 3-26.
- Ooi Keat, G. (2022). 'Bridge' to 'Fence' a Maritime History of the Straits of Malacca. *Journal of Maritime Studies and National Integration*, 6(1): 1-19. <https://doi.org/10.14710/jmsni.v5i2.9443>

- Park, J.E., Yi, J. & Kwon, O. (2022). Twenty Years of Traditional and Complementary Medicine Regulation and its Impact in Malaysia: Achievements and Policy Lessons. *BMC Health Services Research*, 22: 102. <https://doi.org/10.1186/s12913-022-07497-2>.
- Paul, K.C., Azimi, H., Abu Samah, B., Ismail, I.A. & Dsilva, J. (2013). Rural Malay Involvement in Malaysian Herbal Entrepreneurship. *Asian Social Science*, 10(2): 202-202. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n2p202>.
- Paul, K.C., Hamzah, A., Abu Samah, B., Ismail, I.A. & D'Silva, J.L. (2014). Value of Social Network for Development of Rural Malay Herbal Entrepreneurship in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 130: 59-64. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.008>.
- Paul, K.C., Hamzah, A., Samah, B.A., Ismail, I.A. & D'Silva, J.L. (2015a). Family Leadership for Development of Rural Malay Herbal Entrepreneurship in Malaysia. In: Erçetin, Ş. & Banerjee, S. (eds). *Chaos, Complexity and Leadership*. Springer Proceedings in Complexity. Springer, Cham, 367-377. https://doi.org/10.1007/978-3-319-09710-7_33.
- Paul, K.C., Hamzah, A., Samah, B.A., Ismail, I.A. & D'Silva, J.L. (2015b). Rural Malay Youth Leadership and Malaysian Herbal Entrepreneurship Development. In: Erçetin, Ş., Banerjee, S. (eds) *Chaos, Complexity and Leadership*. Springer Proceedings in Complexity. Springer, Cham, 479-482. https://doi.org/10.1007/978-3-319-09710-7_42.
- Pearson, M.N. (1996). *Spices in the Indian Ocean World (An Expanding World: The European Impact on World History, 1450 to 1800)*. Routledge, 400p. ISBN-13: 978-08607785101.
- Perttola, W. (2022). Digital Navigator on the Seas of the Selden Map of China: Sequential Least-Cost Path Analysis Using Dynamic Wind Data. *Journal of Archaeological Method and Theory*, 29(2): 688-721. <https://doi.org/10.1007/s10816-021-09534-6>
- Pristi Suhendro Lukitoyo, Ratih Baiduri, Pidia Amelia, Shaiful Shahidan & Rosmaida Sinaga (2025). The Role of the Bujang Valley Site and the Chinese City Site in the Dynamics of the Malacca Strait Trade Network in the 12th–14th Centuries AD. *Proceedings of the International Conference on Social Sciences and Interdisciplinary Studies (ICSSIS 2025)*, 971: 131-146. https://doi.org/10.2991/978-2-38476-499-0_12.
- Ptak, R. (1992). The Northern Trade Route to the Spice Islands: South China Sea-Sulu Zone-North Moluccas, (14th to early 16th century). *Arcipel*, 43: 27-56.
- Ravi, D.T. (2026). Growing a Future for Local Medicinal and Aromatic Plants. *The Star*, 01 Mac 2026.
- Rinardo, A.P. & Suparman, A. & Syaiful, M. (2023). Pepper Diplomacy: Lampung International Network in the Bargaining Position of the Banten Sultanate. *Proceedings of the 3rd Universitas Lampung International Conference on Social Sciences (ULICoSS 2022)*, 731-744. https://doi.org/10.2991/978-2-38476-046-6_71
- Ririmasse, M.N.R. (2017). Sebelum Jalur Rempah: Awal Interaksi Niaga Lintas Batas di Maluku dalam Perspektif Arkeologi. *Kapata Arkeologi*, 13(1), 47-54. <https://doi.org/10.24832/kapata.v13i1.388>
- Sarjiyanto & Nurul Adliyah Purnamasari (2023). Existence and Cultural Influence of Malay Peoples in the Banda Islands of the Central Moluccas from the 16th to the 19th Century. *Proceedings of the 3rd International Conference on Linguistics and Cultural (ICLC 2022)*, 756: 533-546. https://doi.org/10.2991/978-2-38476-070-1_48
- Senadjki, A., Nee, A.Y.N., Vija Kumaran, V. & Nathan, T.M. (2025). From Field to Market: Assessing the Adoption and Impact of Climate-Smart Farming Practices in Malaysian Bentong Ginger Cultivation. In: Appolloni, A, Caracciolo, F., Ding, Z., Gogas, P., Huang, G., Nartea, G., Strielkowski, W., Joshi, S. & Hanafi, M.M. (eds). *Advances in Economics, Business and Management Research*, Springer Nature. https://doi.org/10.2991/978-94-6463-666-6_20
- Sibi, S. (2024). From Spice Trade to Modern Diplomacy with the Southeast through the Lens of Sangam Literature. *Indian Study Review*, 5(S-1): 94-112. ISSN: 2583-004X.

- Simmons, J.A. (2024). *Indian Ocean Trade*. Oxford Research Encyclopedia of Food Studies. (New York, NY, online edn, Oxford Academic, 17 Apr. 2024), accessed 3 July 2026. <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780197762530.013.46>
- Subhiksha, R.S. & Jothimani, S. (2025). Consequences of the Chola Invasion on the Srivijayan Kingdom. *Journal of the South Indian History Congress*, 1-6. ISSN No.:2229-3671.
- Sulistiyono, S.T., Noor Naelil Masruroh & Yet Rochwulaningsih (2018). Contest For Seascape: Local Thalassocracies and Sino-Indian Trade Expansion in the Maritime Southeast Asia During the Early Premodern Period. *Journal of Marine and Island Cultures*, 74-93. <https://doi.org/10.21463/jmic.2018.07.2.05>
- Ujon Sujana (2019). Rekonstruksi Jalur Pelayaran Kapal-Kapal Eropa Abad ke-16 Hingga Abad Ke-17 di Kepulauan Maluku. *Papua Journal of Anthropology*, 11(1), 29-46. <https://doi.org/10.24832/papua.v11i1.264>
- Zuliskandar Ramli (2020). Sejarah, perkembangan ekonomi dan hubungan antarabangsa Kedah Tua dari kurun ke-2 hingga ke-14 Masihi. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 1(1): 58-87. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2020.26>